

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 14-20 FEBRUARI 2019

PBT  
Selangorkini 14 - 20 Februari 2019 | 19

Tanam 536 pokok

# Pelihara dan pulihara Pantai Remis

OLEH NADIAH ZAMLUS

**KUALA SELANGOR** - Kira-kira 536 pokok ditanam sepanjang pesisir Pantai Remis dalam usaha memulihara dan memelihara kawasan pelancongan itu.

Ketua Pelaburan Sosial Korporat, Komunikasi Korporat Kumpulan UMW Corporation Sdn Bhd, Akhbar Puteh berkata, program Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) itu membabitkan 500 pokok renek dan 36 pokok rhu.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi merealisasikan objektif kelestarian syarikat.

"Di UMW, persekitaran adalah salah satu daripada tiga tonggak utama CSR termasuk pembangunan komuniti dan pendidikan.

"Sejak 2011 sehingga tahun ini, sebanyak 19,600 pokok sudah ditanam sukarelawan UMW melalui program seperti ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha MDKS, Azman Dahlan berkata, pihaknya memainkan peranan utama untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan penduduk setempat supaya berganding bahu memelihara serta memulihara alam sekitar demi kepentingan bersama.

"Tahniah kepada UMW atas prihatin melaksanakan program CSR sebegini, sekali gus menjalin kerjasama mengadakan program penanaman pokok dan pembersihan pantai.

"Untuk makluman, UMW turut menyumbangkan RM25,000 bagi pembelian pokok untuk program ini," katanya.



**Sukarelawan menanam pokok sebagai usaha melestarikan keindahan alam, di Pantai Remis**